

Hari : _____

Subjek : Pendidikan Moral

Tarikh : _____

Nama : _____

Kelas: _____

Tajuk : Sikap Toleransi



TOLERANSI MENJAMIN KESEJAHTERAAN HIDUP

Tandakan jawapan yang sesuai berdasarkan situasi di bawah.



- ① Jiran kamu hendak menggunakan tandas awam di taman permainan kerana sakit perut. Terdapat satu tandas sahaja yang boleh digunakan. Kamu hanya ingin membuang air kecil.
☐ Saya membenarkan jiran menggunakan tandas dahulu.
☐ Saya terus masuk tanpa menghiraukan jiran saya.
- ② Jiran dan saudaranya bermain kereta kawalan jauh di hadapan rumah kamu.
☐ Saya membiarkan dia bermain di hadapan rumah saya.
☐ Saya memarahi jiran saya.
- ③ Jiran kamu sedang membuat pengubahsuaian rumah. Bunyi bising telah mengganggu ketenteraman kamu yang sedang belajar.
☐ Saya menarik muka masam apabila berjumpa dengan jiran.
☐ Saya bersabar dengan menutup semua pintu dan tingkap rumah.
- ④ Jiran kamu menggunakan komputer di rumah kamu. Kamu ingin menyiapkan tugas.
☐ Saya menutup suis komputer.
☐ Saya bertolak ansur dengan membenarkan jiran saya menggunakannya dahulu.
- ⑤ Jiran kamu hendak meminjam basikal kamu kerana ingin mengambil barang yang tertinggal di rumah kawannya.
☐ Saya memberikan keizinan kepada jiran saya untuk menggunakan basikal.
☐ Saya menyimpan basikal tersebut di dalam stor.



Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

• mengeratkan •

• kesejahteraan •

• perselisihan •

• gembira •

• toleransi •

• mengawal •

- ① Sikap toleransi dapat mengelakkan sesama jiran.
- ② Sikap toleransi dapat hubungan sesama jiran.
- ③ Jika saya sentiasa bersabar dan mengawal diri, hal ini dapat mewujudkan hidup saya.
- ④ Saya perlu sentiasa diri jika berlaku perselisihan dalam kalangan jiran saya.
- ⑤ Saya berasa apabila dapat bertoleransi terhadap jiran.
- ⑥ Saya sentiasa mengamalkan sikap terhadap jiran saya.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai berdasarkan dialog toleransi di bawah.



Tindakan	bertoleransi	mementingkan
sedih	gembira	mengawal

Remy sedang beratur menunggu giliran untuk menaiki bot bagi menghadiri aktiviti pengakap di sekolah. Di belakang Remy, kelihatan seorang warga emas sedang dipapah oleh anaknya, Joseph yang merupakan jiran Remy.

Pekerja bot: Tempat duduk tinggal dua sahaja.

Joseph: Saya perlu membawa segera bapa saya ke hospital.

Pekerja bot: Maaf encik, bot sudah penuh. Hanya tinggal dua tempat duduk.

Remy: Pak cik, saya boleh menunggu bot yang lain. Pak cik bawalah datuk ke hospital dahulu.

Joseph: Terima kasih, Remy. Kamu tidak

.....
diri sendiri.

Pekerja bot: Bagus, kamu telah bersikap

Joseph:
kamu ini membolehkan bapa kami menerima rawatan dengan segera.

Remy: Saya berasa
dapat memberikan peluang datuk menaiki bot ini.

